



Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia
马来西亚房地产发展商会
Real Estate And Housing Developers' Association Malaysia
“Towards Sustainable Development”
Responsive | Respected | Responsible | Relevant

KENYATAAN MEDIA

4 JULAI 2017

WISMA REHDA, PETALING JAYA

KARNIVAL PERUMAHAN MAMPU MILIK (KPMM) – EKSPLO HARTANAH DAN PERUMAHAN MALAYSIA (MAPEX) 11-13 OGOS 2017, PUSAT KONVENSYEN SHAH ALAM (SACC), SELANGOR

Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) Malaysia buat julung kalinya bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menganjurkan **Karnival Perumahan Mampu Milik (KPMM) - Ekspo Hartanah dan Perumahan Malaysia (MAPEX)** selama 3 hari bermula daripada **11 hingga 13 Ogos di Pusat Konvensyen Shah Alam, Selangor.**

Bertemakan “*Rumah Mampu Milik Sempurna, Rakyat Sejahtera*”, penganjuran karnival perumahan ini diharap dapat memberi kemudahan kepada bakal pembeli dengan mengumpulkan pelbagai pilihan perumahan mampu milik serta hartanah dengan diskaun dan promosi yang menarik di bawah satu bumbung.

“REHDA amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan KPKT bagi menganjurkan karnival ini terutamanya dalam usaha menggalakkan pemilikan perumahan dan **Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia serta Yang Berhormat Tan Sri Noh bin Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dijemput untuk merasmikan karnival ini pada hari Sabtu, 12 Ogos 2017,**” ujar Datuk Ng Seing Liong, Pengerusi Jawatankuasa MAPEX 2016.

“Istimewanya KPMM-MAPEX yang julung kali diadakan ini, selain menawarkan pelbagai pilihan hartanah dengan promosi yang menarik, karnival perumahan edisi khas ini turut memberi tumpuan kepada kediaman mampu milik yang berharga di bawah RM500,000 yang dijangka akan menjadi tarikan utama pengunjung. Turut dipamerkan adalah unit-unit dengan diskaun Bumiputera. Bagi mereka yang sedang mencari dan ingin membeli rumah, rebutlah peluang ini dengan mengunjungi

karnival KPMM-MAPEX. Terdapat banyak pilihan dengan harga berpatutan yang mungkin sesuai dengan bajet bakal pembeli,” tambah Datuk Ng.

“REHDA yakin dengan sokongan yang jitu dari pemaju-pemaju, institusi kerajaan dan juga kewangan, MAPEX akan dapat terus memainkan peranannya untuk menyediakan platform yang tepat kepada bakal pembeli yang sedang mencari rumah impian mereka. Kami menasaskan lebih 60 pemaju serta agensi-agensi Kerajaan dan institusi kewangan akan menyertai karnival kali ini dan saya menyeru kepada para pempamer yang ingin turut serta agar segera menghubungi kami kerana *booth-booth* pilihan adalah terhad,” ujar Datuk Ng lagi.

Antara para pemaju yang telah mengesahkan penyertaan dalam KPMM-MAPEX ini ialah Glomac Berhad, IJM Land Berhad, MKH Berhad, UEM Sunrise Berhad, Mitraland Group, Matrix Concepts Holdings Berhad dan pelbagai agensi kerajaan di bawah Jabatan Perumahan Negara.

Karnival yang bakal berlangsung selama 3 hari ini turut menawarkan pelbagai aktiviti dan hadiah menarik kepada pengunjung seisi keluarga selain menyediakan rebat tunai bernilai RM30,000 kepada pembeli-pembeli rumah bertuah*. Pengunjung juga berpeluang mendapatkan tips-tips harta tanah dari pakar-pakar harta tanah terkenal dalam sesi ceramah harta tanah yang bakal diadakan pada hari Sabtu dan Ahad.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mapex.com.my/kpmm-mapex2017 atau hubungi kami di 03-7880 8000 atau e-mail di secretariat@rehda.com.

** Tertakluk kepada Terma & Syarat.*

Disediakan oleh:

JAWANTANKUASA PENGANJUR MAPEX

PERSATUAN PEMAJU HARTA TANAH DAN PERUMAHAN MALAYSIA (REHDA)

REHDA, badan perwakilan utama dan unggul bagi pemaju-pemaju harta tanah swasta amat berbangga dapat menganjurkan MAPEX, ekspo harta tanah terbesar negara yang mengumpulkan pemaju-pemaju harta tanah besar dan kecil di bawah satu bumbung bagi memberi akses kepada orang ramai untuk membuat pembelian harta tanah yang bersesuaian dengan pilihan dan bajet mereka.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sekretariat MAPEX di: 03-7880 8000.